

**MINIT MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)  
BILANGAN 2 TAHUN 2023  
JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN  
(JKPTG)**

---

<b>Tarikh</b>	:	<b>24 Ogos 2023 (Khamis)</b>
<b>Masa</b>	:	<b>3.00 petang</b>
<b>Tempat</b>	:	<b>Bilik Marco Polo Aras 22 Hotel Hatten Melaka</b>
<b>Pengerusi</b>	:	<b>YBhg. Datuk Mohd Haniff bin Hassan Timbalan Ketua Pengarah Sektor Penyelarasan Operasi</b>
<b>Kehadiran</b>	:	<b>(seperti di Lampiran 1)</b>

---

**1. PERUTUSAN PENERUSI**

- 1.1. YBhg. Datuk Pengerusi memulakan mesyuarat dengan ucapan salam serta mengalu-alukan kehadiran semua ahli Majlis Bersama Jabatan (MBJ) ke **Mesyuarat MBJ JKPTG Bilangan 2 Tahun 2023** yang pertama kali diadakan di luar ibu pejabat bagi tahun 2023.
- 1.2. YBhg. Datuk Pengerusi merakamkan penghargaan terima kasih kepada mantan ahli-ahli MBJ JKPTG iaitu YBhg Dato' Amran bin Haji Ahmad yang telah bertukar ke Kementerian Sumber Manusia, Puan Roziana binti Omar yang telah bertukar ke Jabatan Perdana Menteri, dan Encik Azri Effendy bin Abu Sujak yang telah bertukar ke Bahagian Harta Tanah Persekutuan (BHTP).
- 1.3. YBhg. Datuk Pengerusi turut mengucapkan selamat datang kepada ahli-ahli MBJ JKPTG yang baharu iaitu YBrs. Tuan Abdul Aziz bin Mohd Johdi, Timbalan Ketua Pengarah Sektor Kemajuan Pengurusan dan Perundangan (SKPP), Encik Muhammad Rosli bin Muhammad Ja'afar, Pengarah Bahagian Pengambilan Tanah (BPT) dan Encik Abd Rahim bin Abd Razak, Ketua Penolong Pengarah di

Seksyen Pengurusan Sumber Manusia selaku Setiausaha Pihak Pegawai MBJ JKPTG.

- 1.4. YBhg. Datuk Pengerusi merakamkan penghargaan di atas penganjuran Hari Tanah Negara (HTN) ke-7 tahun 2023 pada 2 dan 3 Ogos 2023 yang lalu dan program *Merdeka Walk* JKPTG tahun 2023 pada 19 Ogos 2023 serta penglibatan Jabatan di dalam Program Keceriaan Antara Jabatan Sempena Bulan Kemerdekaan Di Bawah Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim. Pihak pengurusan mengucapkan terima kasih kepada semua warga JKPTG yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan program-program berkenaan.
- 1.5. YBhg. Datuk Pengerusi menarik perhatian ahli mesyuarat kepada perkara-perkara berikut:

**1.5.1. Pemakaian Batik Malaysia Semasa Waktu Bekerja Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan**

- a) Semua pegawai perkhidmatan awam diwajibkan memakai pakaian batik Malaysia pada setiap hari Khamis, manakala pemakaian batik pada hari bekerja lain adalah digalakkan. Peraturan itu yang berkuat kuasa 21 Ogos 2023 dinyatakan dalam surat edaran "Pemakaian Pakaian Batik Malaysia Semasa Waktu Bekerja Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan" bertarikh 21 Ogos 2023.

**1.5.2. Pencapaian KPI Jabatan Tahun 2023**

- a) Pihak pengurusan memohon kerjasama semua warga JKPTG untuk sama-sama berusaha melaksanakan kerja dan tugas dengan jayanya supaya dapat mencapai sasaran KPI yang telah ditetapkan bagi tahun ini. Dalam hal ini, pihak pengurusan memohon semua warga JKPTG untuk

meningkatkan kecepatan atau *speed* dalam menyelesaikan sesuatu urusan kerja yang ada. YBhg. Datuk Pengerusi menjelaskan antara konsep yang boleh diaplikasikan dalam mencapai sasaran ini adalah **CTI** iaitu **cepat, tepat** dan **integriti** dan **PCI** iaitu **produktiviti, kreativiti** dan **inovasi**.

### 1.5.3. Penghayatan Konsep Malaysia Madani

- a) Semua warga JKPTG disarankan untuk menghayati dan mengamalkan konsep Malaysia Madani dalam urusan perkhidmatan kepada masyarakat menerusi enam (6) nilai teras Malaysia Madani iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan.

### 1.5.4. Semangat Bersatu Hati JKPTG

- a) Semua warga kerja JKPTG harus bersatu hati dan mewujudkan persekitaran kerja yang harmoni dan positif. Dalam hal ini, pihak pengurusan dan Pihak Pekerja hendaklah bekerja secara berpasukan dan bersama dalam melaksanakan sebarang kerja dan aktiviti jabatan; dan
- b) Selain itu, warga Jabatan juga hendaklah menghindari daripada melakukan unsur-unsur yang negatif seperti menghasut, menimbulkan persepsi yang buruk, membuat berita palsu seperti surat layang dan menyebarkan berita yang tidak betul dalam *WhatsApp group*.

### 1.5.5. Penglibatan Aktiviti Jabatan dan Kelab KEKASS

- a) Warga JKPTG amat digalakkan untuk menyertai program yang dianjurkan oleh Jabatan dan Kelab Kebajikan, Sosial dan Sukan (KEKASS) bagi mewujudkan rasa sayangankan Jabatan selain dapat mengeratkan hubungan silaturrahim

antara pegawai di JKPTG. Selain itu juga, penyertaan pegawai dalam sesuatu program Jabatan akan mewujudkan perasaan seronok untuk bekerja dan dapat juga mengurangkan rasa tekanan di tempat kerja;

- b) Program terkini yang telah dilaksanakan oleh Jabatan dengan kerjasama KEKASS sempena bulan kemerdekaan iaitu *Merdeka Walk* JKPTG pada 19 Ogos 2023; dan
- c) Penyertaan dalam program Jabatan dan KEKASS seperti sukan dan aktiviti rekreasi yang dilaksanakan boleh diisi dalam pelaporan LNPT dan *MyPerformance*.

#### **1.5.6. Pencapaian Kehadiran Empat (4) Hari Berkursus Bagi Tempoh Setahun**

- a) Selaras dengan arahan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian pada 10 Mac 2022, bilangan hari berkursus warga JKPTG ditetapkan kepada sekurang-kurangnya empat (4) hari setahun. Pencapaian bilangan hari berkursus akan dilaporkan di dalam Mesyuarat Pengurusan JKPTG sebagai mekanisme pemantauan pelaksanaan program latihan dalam kalangan warga JKPTG;
- b) Semua warga JKPTG diwajibkan untuk melengkapkan Program Penilaian Celik Digital Penjawat Awam secara atas talian sebelum 14 September 2023. Pegawai boleh merekodkan tempoh masa dua (2) jam kursus setelah melengkapkan penilaian berkenaan; dan
- c) BKP akan menganjurkan kursus bagi Pemandu Kenderaan dan kumpulan sokongan II pada bulan September 2023. Sehubungan itu, semua pegawai JKPTG hendaklah mencapai tempoh masa empat (4) hari berkursus setahun.

### **1.5.7. Integriti Semasa Menghantar Tuntutan Perjalanan Dan Invois Tuntutan Kepada JKPTG**

- a) BKP telah menerima beberapa tuntutan yang meragukan terutamanya tuntutan kerja lebih masa, tuntutan perjalanan serta tuntutan kemudahan bekalan kasut; dan
- b) Pegawai-pegawai yang membuat sebarang tuntutan adalah dimohon untuk menyertakan resit asal bagi mengelakkan tuntutan dikiuri serta tidak dibayar. Tindakan tatatertib boleh diambil sekiranya didapati pegawai mengemukakan tuntutan palsu. Hal ini bukan sahaja akan mencemarkan imej pegawai malah boleh merosakkan reputasi pegawai selaku penjawat awam sekiranya didapati bersalah.

### **1.5.8. Perlindungan Polisi Insurans CEUPACS CARE**

- a) Warga JKPTG amat disarankan untuk mempunyai polisi perlindungan insuran untuk melindungi diri dan keluarga sekiranya ditimpa penyakit dan ada bencana luar jangka. Dalam hal ini, polisi insuran daripada Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja di dalam Perkhidmatan Awam (CEUPACS) iaitu CUEPACS CARE boleh dimohon oleh warga kerja JKPTG kerana ia menawarkan harga polisi yang berpatutan kepada semua penjawat awam.

## **2. PERUTUSAN NAIB Pengerusi**

- 2.1. YBr. Naib Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran semua ahli mesyuarat serta merakamkan penghargaan kepada pihak pengurusan atas pelaksanaan mesyuarat MBJ yang diadakan di luar ibu pejabat pada kali ini. YBr. Naib Pengerusi turut memaklumkan terdapat empat (4) orang ahli Pihak Pekerja yang tidak dapat hadir ke

mesyuarat kerana terikat dengan komitmen tugas hakiki masing-masing; dan

- 2.2. YBrs. Naib Pengerusi memaklumkan terdapat beberapa usul daripada Pihak Pekerja akan dibentangkan pada mesyuarat kali ini meliputi urusan pentadbiran dan sumber manusia.

### 3. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

Minit Mesyuarat MBJ Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan **Bilangan 1 Tahun 2023** yang diadakan pada **16 Mac 2023** disahkan tanpa pindaan.

### 4. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

#### 4.1 Menggunakan Aplikasi WhatsApp dalam Urusan Permohonan Pembahagian Pusaka

*(Hal-Hal Lain: Mesyuarat MBJ Bil.1 Tahun 2022)*

- 4.1.1 Bahagian Pembahagian Pusaka (BPP) memaklumkan berdasarkan Peraturan-Peraturan Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 mendapati tafsiran khusus bagi terma komunikasi elektronik tidak diperuntukkan dalam peraturan tersebut mahupun dalam Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98] yang merupakan akta ibu kepada peraturan tersebut. Maka penyampaian notis perbicaraan melalui aplikasi *WhatsApp* akan membangkitkan isu keberkesanan penyampaian notis perbicaraan yang boleh dipertikaikan oleh pihak-pihak berkepentingan sekaligus menyebabkan pemfailan rayuan terhadap perintah pembahagian yang dikeluarkan oleh BPP;

- 4.1.2 Aplikasi *WhatsApp* adalah tidak teratur dan boleh menyebabkan implikasi perundangan yang lain seperti perintah yang diketepikan atas sebab-sebab kegagalan serahan notis yang sempurna. Walau bagaimanapun, aplikasi *WhatsApp* masih boleh digunakan bagi tujuan pemakluman status permohonan kepada orang awam;
- 4.1.3 Pengarah JKPTG Kedah memaklumkan bahawa aplikasi *WhatsApp* bagi tujuan ini boleh menggunakan nombor telefon rasmi (*general line*) Jabatan sahaja tanpa memerlukan telefon bimbit khas dan seterusnya dioperasikan menggunakan *Whatsapp Web based*; dan
- 4.1.4 YBhg. Datuk Pengerusi mencadangkan BKP dan BPICT untuk menyediakan templat sebagai simulasi penggunaan aplikasi *WhatsApp* dalam urusan permohonan pembahagian pusaka.

#### **Tindakan: BKP dan BPICT**

## **4.2 Cadangan Pembangunan Bangunan Baharu Pejabat JKPTG Perak**

*(Hal-Hal Lain: Mesyuarat MBJ Bil.2 Tahun 2022)*

- 4.2.1 Sesi semakan Bajet Pembangunan RP4 Tahun 2024 dengan Kementerian Ekonomi (KE) telah diadakan pada 9 Jun 2023. BKP dan JKPTG Perak telah membentangkan permohonan Projek Membina Dan Menyiapkan Pembinaan Bangunan Kompleks Baru Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan (JKPTG) Negeri Perak Darul Ridzuan dengan anggaran kos berjumlah RM50.26 juta. Kelulusan permohonan akan dimaklumkan oleh Bahagian Pembangunan, NRECC setelah Bajet Tahun 2024 dibentangkan di Parlimen pada bulan Oktober 2023.

#### **Makluman**

#### **4.3 Permohonan Membuat Tuntutan Pembelian Baju Kot Bagi Tugas Rasmi Perbicaraan**

*(Usul Pihak Pekerja: Mesyuarat MBJ Bil.3 Tahun 2022)*

4.3.1 BKP telah menyemak kertas permohonan yang telah dikemukakan oleh BPP dan Unit Petugas Khas (UPK) dan pindaan-pindaan telah dibuat berdasarkan penelitian dan ulasan daripada BKP. Minit ceraian Cadangan Permohonan Pembelian Baju Kot ini telah diangkat untuk pertimbangan dan keputusan YBhg. Datuk KPTG pada 21 Ogos 2023 dan seterusnya akan dikemukakan melalui pihak Kementerian kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk pertimbangan dan kelulusan. Status permohonan akan dimaklumkan kepada ahli-ahli MBJ sekiranya terdapat pemakluman terkini daripada Kementerian dan JPA; dan

4.3.2 Dalam masa yang sama, pihak BKP menyarankan Pihak Pekerja untuk menyelaraskan dan membantu BPP dan UPK untuk mewujudkan kod etika pakaian di dalam bilik perbicaraan sebagai dokumen sokongan bagi permohonan ini.

#### **Tindakan: BKP, BPP dan Pihak Pekerja**

#### **4.4 Permohonan Peruntukan Bagi Kerja-Kerja Pembaikan di JKPTG Negeri Sembilan**

*(Hal-Hal Lain: Mesyuarat MBJ Bil.3 Tahun 2022)*

4.4.1 Pihak JKR telah mengadakan lawatan tapak ke JKPTG Negeri Sembilan pada 27 Mac 2023 dan 4 Julai 2023. Lukisan siap bina telah disediakan dan kini dalam tindakan penyediaan anggaran kos. Selain kerja-kerja pembaikan kerosakan di bilik bicara, khidmat nasihat teknikal juga melibatkan cadangan naik taraf bilik bicara, kaunter utama, ruang kerja dan tandas; dan



- 4.4.2 Sementara menunggu laporan lengkap dan anggaran kos pembaikan dan naik taraf disediakan oleh pihak JKR, JKPTG Negeri Sembilan akan melaksanakan kerja-kerja pembaikan kecil terlebih dahulu ke atas beberapa komponen di Bilik Bicara 1 dengan menggunakan peruntukan belanja mengurus sedia ada.

#### **Tindakan: JKPTG Negeri Sembilan**

### **4.5 Pembekalan Pakaian Keselamatan Kepada Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah di JKPTG**

*(Usul Pihak Pekerja: Mesyuarat MBJ Bil.1 Tahun 2023)*

- 4.5.1 Pihak JPA melalui surat rujukan JPA.(S).800-6/1/48(2) bertarikh 5 Julai 2023 telah meneliti dan meluluskan permohonan bekalan pakaian seragam dan kasut keselamatan bagin skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah di JKPTG seperti berikut:

- i. dibekalkan baju vest atas kadar RM140.00 sehelai sebanyak dua (2) helai bagi setiap tempoh tiga (3) tahun perkhidmatan; dan
- ii. dua (2) pasang kasut keselamatan setahun dengan kadar sebanyak RM500.00.

- 4.5.2 Permohonan tersebut diluluskan tertakluk Jabatan mematuhi syarat-syarat berikut:

- i. mempunyai peruntukan mencukupi dan dibenarkan bagi tujuan berikut;
- ii. mematuhi Pekeliling Perbendaharaan (PP) WP2.3 – Peraturan Bekalan Pakaian Seragam Serta Kemudahan dan Kadar Bekalan Kasut Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa;

- iii. perolehan pakaian seragam dan kasut keselamatan ini hendaklah ditampung menggunakan peruntukan sedia ada tanpa melibatkan sebarang peruntukan tambahan;
- iv. Jabatan hendaklah memastikan perbelanjaan ini dibuat secara berhemat selaras dengan PP PB3.1 – Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam; dan
- v. kelulusan ini adalah untuk permohonan ini sahaja dan tidak boleh dijadikan rujukan pada masa hadapan.

4.5.3 BKP telah mengangkat minit ceraiian kepada YBhg. Datuk KPTG bagi tujuan pembayaran pada 22 Ogos 2023. Walau bagaimanapun, bayaran bekalan pakaian seragam dan kasut keselamatan bagi skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah hanya akan dibuat pada tahun 2024 memandangkan peruntukan sedia ada bagi tahun 2023 adalah tidak mencukupi.

#### **Makluman**

#### **4.6 Cadangan Pelaksanaan Program *Book Review* di JKPTG**

*(Usul Pihak Pekerja: Mesyuarat MBJ Bil.1 Tahun 2023)*

4.6.1 Semakan di Bahagian Pembangunan Modal Insan, JPA mendapati pelaksanaan Program *Book Review* tidak diteruskan disebabkan kurang mendapat sambutan berikutan kekangan tugas hakiki pegawai. BKP mencadangkan agar program ini dilaksanakan di bawah seliaan Bahagian dan Negeri masing-masing sekiranya ada pegawai yang berminat; dan

4.6.2 Walau bagaimanapun, bagi mencapai sasaran empat (4) hari berkursus, warga JKPTG boleh mengakses sistem EPSA untuk pembelajaran secara atas talian.

#### **Makluman**

**4.7 Kemudahan Bayaran Balik Bil Telefon Atas Urusan Rasmi Kepada Pegawai Kumpulan Pelaksana**

*(Hal-Hal Lain: Mesyuarat MBJ Bil.1 Tahun 2023)*

4.7.1 YBhg. Datuk KPTG melalui Minit Ceraian BKP, Ruj: JKPTG.BKP.500/9/5/2 Jld. 2(25) pada 31 Julai 2023 telah memutuskan agar permohonan tersebut ditangguhkan pada tahun ini memandangkan pada tahun ini JKPTG memberi keutamaan kepada pembayaran pegawai kontrak di Unit Pembahagian Pusaka (UPP), penyelenggaraan bangunan pejabat JKPTG Negeri dan sedang melaksanakan inisiatif penjimatan; dan

4.7.2 Walau bagaimanapun sebagai mengurangkan beban kewangan yang ditanggung oleh pegawai yang terlibat, pihak pengurusan menyarankan Pihak Pekerja untuk mengambil perhatian berhubung pengumuman Kerajaan bahawa penjawat awam akan menikmati rebat RM10 sebulan bagi langganan pakej pascabayar masing-masing menerusi Insentif *Postpaid* RAHMAH Penjawat Awam berkuat kuasa 31 Ogos 2023.

**Makluman**

## 5. PEMBENTANGAN USUL PIHAK PEKERJA

YBr. Naib Pengerusi memaklumkan bahawa Pihak Pekerja telah bersidang pada **7 Ogos 2023** dan telah sebulat suara mengemukakan usul seperti berikut untuk pertimbangan:

### 5.1. PENTADBIRAN

#### 5.1.1. Pertukaran Sasaran Kerja Tahunan (SKT) di Unit Pembahagian Pusaka (UPP) Disebabkan Masalah Sistem MyeTaPP

5.1.1.1. Pihak Pekerja mencadangkan Jabatan untuk memberi kebenaran untuk UPP meminda Sasaran Kerja Tahunan (SKT) seperti berikut:

“Penyelesaian kes tahun semasa (2023) sebanyak 30% kepada 10% bagi kes-kes yang tidak bermasalah”.

5.1.1.2. Isu ini adalah kerana Sistem MyeTaPP yang tidak stabil untuk digunakan kerap kali memberikan masalah bukan sahaja kepada kakitangan malahan kepada orang awam. Memandangkan tugas harian yang melibatkan permohonan pembahagian pusaka bergantung sepenuhnya kepada Sistem MyeTaPP, gangguan yang kerap berlaku pada sistem menyebabkan kerja-kerja tergendala. Gangguan ini menjejaskan proses kerja di UPP bermula daripada penerimaan permohonan sehinggalah penyediaan perintah. Selain itu, ia turut menjejaskan prestasi kerja setiap pegawai di UPP selain mendapat tekanan daripada orang awam yang ingin kes-kes mereka diselesaikan dengan segera;

- 5.1.1.3. Pengarah BPICT memaklumkan bahawa Sistem MyeTaPP merupakan sistem yang lama dan tiada pelan jangka masa pendek yang sesuai boleh dilaksanakan bagi mengatasi masalah ini. Pihak BPICT juga telah melantik vendor bagi menyelenggara sistem ini sementara proses peralihan daripada Sistem MyeTaPP kepada Sistem MyLand dilaksanakan;
- 5.1.1.4. BKP memaklumkan penetapan KPI telah ditetapkan pada awal tahun berdasarkan pencapaian Bahagian/ Negeri masing-masing dan selanjutnya SKT akan dirancang berdasarkan KPI tersebut. Dalam masa yang sama, Jabatan turut melaksanakan semakan KPI berdasarkan tempoh-tempoh yang tertentu bagi memantau prestasi pencapaian KPI;
- 5.1.1.5. Sekiranya BPP berpandangan bahawa SKT yang telah ditetapkan untuk setiap UPP adalah tidak realistik dan tidak mampu untuk dicapai disebabkan masalah Sistem MyeTaPP, pihak BPP disarankan untuk membawa isu ini sewaktu Mesyuarat Semakan KPI Jabatan pada 28 Ogos 2023. Ini adalah kerana pindaan pada SKT ini akan turut memberi kesan pada KPI Jabatan dan juga KPI YBhg. Datuk KPTG; dan
- 5.1.1.6. Sekiranya YBhg. Datuk KPTG bersetuju dengan cadangan pindaan tersebut, BPP boleh melaksanakan pindaan dengan sewajarnya.

**Tindakan: BPP**

## **5.2. SUMBER MANUSIA**

### **5.2.1. Pertambahan Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) dan Pembantu Operasi di Unit Pembahagian Pusaka (UPP)**

5.2.1.1. Pihak Pekerja mencadangkan pertambahan Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) dan Pembantu Operasi di UPP bagi menangani isu-isu berkaitan urusan khidmat pelanggan; dan

5.2.1.2. BKP kini sedang mengkaji keseluruhan fungsi Jabatan termasuk kandungan Deskripsi Tugas (JD) dan keperluan pengkhususan kerja pegawai di UPP. Buat masa ini, hanya pegawai Unit Petugas Khas (UPK) boleh digerakkan untuk membantu manakala jawatan-jawatan lain di Ibu Pejabat/ JKPTG Negeri tidak boleh dialihkan secara pentadbiran. BKP turut berpandangan agihan sumber manusia di Jabatan ini boleh dioptimumkan apabila struktur organisasi Jabatan ini ditambah baik melalui cadangan penstrukturan yang akan datang.

### **Makluman**

### **5.2.2. Kemudahan Unit Khidmat Pelanggan (UKP) Di Setiap Unit Pembahagian Pusaka (UPP)**

5.2.2.1. Pihak Pekerja mencadangkan kemudahan Unit Khidmat Pelanggan (UKP) yang menguruskan panggilan telefon, khidmat kaunter dan aduan pelanggan di setiap UPP;

- 5.2.2.2. Cadangan ini adalah untuk mengurangkan beban tugas Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi), PT (P/O) sedia ada berikutan tugas hakiki PT (P/O) yang menjalankan operasi turut melibatkan pencarian fail atau dokumen di bilik fail dan ruang tertentu atau berurusan dengan orang awam yang ingin berjumpa di kaunter;
- 5.2.2.3. BKP memaklumkan bahawa penubuhan Unit Komunikasi Korporat (UKK) telah diambil kira dalam cadangan penstrukturan Jabatan termasuklah penubuhan UKK di setiap Negeri. Unit ini akan bertanggungjawab dalam semua urusan yang melibatkan khidmat pelanggan dan seterusnya dapat mengurangkan beban tugas PT (P/O) di UPP. Pengisian jawatan di UKK juga akan menggunakan sumber manusia sedia ada; dan
- 5.2.2.4. BKP memohon semua ahli mesyuarat untuk mengambil maklum bahawa kelulusan cadangan penstrukturan Jabatan akan mengambil masa dan perlu melalui pelbagai peringkat. Selain itu, Jabatan juga perlu akur pada ketetapan pihak JPA bahawa sebarang cadangan penstrukturan tidak boleh mengakibatkan sebarang implikasi kewangan. Oleh yang demikian, Jabatan harus menyediakan perancangan mobilisasi sumber manusia sedia ada di Jabatan bagi tujuan mewujudkan UKK. BKP turut memaklumkan cadangan penstrukturan Jabatan akan dibentangkan kepada YBhg. Datuk KPTG dalam masa terdekat

**Makluman**

### **5.2.3. Pemakaian Pendekatan Kaunseling/ Psikologi Dalam Pengurusan Sumber Manusia JKPTG**

- 5.2.3.1. Pihak Pekerja mencadangkan Jabatan untuk memanfaatkan kemahiran Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) di Jabatan untuk membantu dan membimbing pegawai-pegawai yang mengalami masalah masalah dan tekanan di tempat kerja;
- 5.2.3.2. Pihak Pekerja turut memaklumkan pihak AKRAB berhasrat untuk turut diberi peranan dan dilibatkan sebagai rakan strategik bersama-sama BKP dan Unit Integriti (UI) dalam urusan berhubung saringan ujian psikologi yang telah dilaksanakan oleh warga Jabatan serta merancang program intervensi yang bersesuaian;
- 5.2.3.3. BKP menyambut baik cadangan tersebut dan akan bekerjasama untuk mewar-warkan fungsi dan peranan program AKRAB serta memperkenalkan ahli-ahli AKRAB di kalangan warga Jabatan; dan
- 5.2.3.4. Selain itu, BKP memaklumkan telah mempunyai perancangan untuk mengadakan kursus yang bersesuaian bagi pegawai-pegawai yang didapati mempunyai tahap tekanan yang tinggi. Selain itu, BKP juga pernah membantu pegawai-pegawai yang bermasalah untuk dirujuk ke Unit Psikologi Kementerian malahan ada beberapa pegawai yang turut dirujuk ke Klinik Psikiatri di hospital Kerajaan.

**Tindakan: BKP dan AKRAB**



### 5.3. LAIN-LAIN

#### 5.3.1. Larangan Penggunaan Gajet Oleh Orang Awam Bagi Tujuan Rakaman di Premis Pejabat JKPTG

- 5.3.1.1. Pihak Pekerja mencadangkan Jabatan memperkenalkan larangan penggunaan gajet oleh orang awam bagi tujuan rakaman di premis pejabat JKPTG;
- 5.3.1.2. Ini adalah disebabkan terdapat kes di mana pegawai di UPP yang menjadi mangsa kepada rakaman tular yang memaparkan kononnya layanan buruk diberikan kepada si perakam ketika berurusan di kaunter atau ketika perbicaraan;
- 5.3.1.3. BKP memaklumkan berdasarkan perenggan 130 Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017), memberi kuasa kepada Ketua Jabatan menentukan zon larangan penggunaan telefon bimbit, peralatan komunikasi dan segala peralatan elektronik yang mampu merakam maklumat; dan
- 5.3.1.4. Justeru, pihak BPP perlu mengemukakan kertas permohonan kepada BKP untuk diangkat bagi kelulusan YBhg. Datuk beserta justifikasi bagi penetapan kawasan larangan untuk membuat sebarang rakaman semasa menjalankan tugas.

**Tindakan: BPP**

### 5.3.2. Permohonan Kad Hijau CIDB Bagi Pegawai Yang Bertugas Di Lapangan

- 5.3.2.1. Pihak Pekerja mencadangkan Jabatan untuk menyelaras permohonan Kad Hijau CIDB bagi pegawai yang bertugas di lapangan. Ini adalah kerana ada di kalangan pegawai yang melakukan tugas di kawasan tapak pembinaan dan memerlukan perlindungan tambahan sekiranya ditimpa kemalangan di kawasan tapak bina;
- 5.3.2.2. Pengarah JKPTG Negeri Kedah memaklumkan tiada keperluan untuk pegawai awam memiliki Kad Hijau CIDB bagi tujuan memasuki kawasan tapak pembinaan projek Kerajaan. Selain itu, projek-projek Kerajaan juga telah telah diinsuranskan dan sekiranya berlaku kemalangan sewaktu menjalankan tugas, pegawai layak diberikan pampasan tertakluk pada syarat-syarat tertentu; dan
- 5.3.2.3. Walau bagaimanapun, sekiranya pegawai khawatir akan perlindungan keselamatan diri sewaktu menjalankan tugas, pegawai digalakkan untuk mengambil perlindungan insurans tambahan menggunakan sumber kewangan sendiri.

### Makluman

## 6. HAL – HAL LAIN

Pihak Pekerja menarik perhatian ahli-ahli mesyuarat mengenai perkara-perkara berikut :

### 6.1 Permohonan Pemasangan Kamera Litar Tertutup (CCTV) Bagi JKPTG Perlis

- 6.1.1 Pihak Pekerja memohon maklum balas daripada BKP mengenai permohonan pemasangan CCTV bagi JKPTG Negeri Perlis;
- 6.1.2 BKP memaklumkan permohonan pemasangan bagi CCTV perlu dimasukkan ke dalam Perancangan Perolehan Tahunan (PPT). Bagi mana-mana JKPTG Negeri yang telah memasukkan perolehan bagi CCTV ke dalam PPT, BKP akan menyelaras permohonan tersebut untuk diangkat bagi kelulusan pihak Kementerian selanjutnya;
- 6.1.3 Wakil JKPTG Perlis memaklumkan permohonan telah dibuat pada tahun 2018 namun tidak dapat dilaksanakan. BKP mengingatkan semua mesyuarat bahawa sebarang permohonan melibatkan perolehan aset yang tidak diluluskan, permohonan tersebut perlu dikemaskini secara tahunan dalam PPT tahun semasa. Sehubungan itu, pihak JKPTG Perlis perlu memasukkan permohonan ini di dalam PPT semasa, bukan berdasarkan permohonan 2018 semata-mata;
- 6.1.4 Permohonan pemasangan CCTV juga perlu mendapat kelulusan dan laporan daripada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (CGSO) bagi penetapan lokasi unit CCTV tersebut;

- 6.1.5 YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan bagi permohonan pemasangan CCTV terdapat banyak faktor yang perlu diambil perhatian antaranya lokasi pejabat sama berada di dalam bangunan gunasama atau bangunan berasingan, pemantauan dan penyelenggaraan CCTV tersebut; dan
- 6.1.6 JKPTG Perlis disarankan untuk mengangkat permohonan ini dalam PPT tahun 2024.

#### Tindakan: BKP dan JKPTG Perlis

### 6.2 Permohonan Kelonggaran Untuk Membeli Tiket Penerbangan Menggunakan Waran Perjalanan Udara Awam (WPUA) bagi JKPTG Sarawak

- 6.2.1 Wakil JKPTG Negeri Sarawak memohon pihak pengurusan untuk memberi kelonggaran untuk membeli tiket penerbangan menggunakan Waran Perjalanan Udara Awam (WPUA) bagi pegawai JKPTG Sarawak yang melakukan tugas di lapangan;
- 6.2.2 JKPTG Negeri Sarawak dimohon untuk mengemukakan permohonan ini kepada BKP untuk diangkat kepada YBhg. Datuk KPTG untuk pertimbangan selanjutnya berdasarkan *case by case basis*; dan
- 6.2.3 BKP memaklumkan bahawa arahan bahawa semua pegawai/kakitangan Jabatan hendaklah membuat pembelian sendiri tiket penerbangan dengan memilih harga yang paling murah serta menjimatkan peruntukan kerajaan dan kemudiannya membuat tuntutan bayaran balik adalah sebagai langkah penjimatan yang dilaksanakan oleh Jabatan bagi menampung perbelanjaan pembayaran gaji pegawai secara *Contract Of Service (COS)* yang bertugas di UPP. Walau bagaimanapun, arahan ini adalah

langkah sementara sehingga hujung tahun 2023 dan akan dinilai semula keperluan pelaksanaannya pada tahun hadapan.

### **Tindakan: JKPTG Sarawak**

## **6.3 Pengisian Kekosongan Jawatan di Jabatan**

- 6.3.1 Pihak Pekerja memohon pihak pengurusan untuk mempertimbangkan pengisian lapan (8) jawatan yang masih kosong di JKPTG Negeri Pahang dan UPP Negeri Pahang kerana ada jawatan yang masih tiada pengisian sejak tahun 2016;
- 6.3.2 BKP memaklumkan bahawa buat masa ini peratus pengisian perjawatan di Jabatan adalah 88.6 % dan YBhg. Datuk KPTG telah memohon agar pengisian ditingkatkan sehingga 91%;
- 6.3.3 Sehubungan itu, BKP akan mengadakan perbincangan bersama pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) bagi memohon kelulusan untuk meningkatkan kadar pengisian perjawatan di Jabatan kepada 91%; dan
- 6.3.4 Sekiranya permohonan tersebut diluluskan, Jabatan akan melakukan pengisian kekosongan jawatan mulai tahun 2024.

### **Makluman**

## **6.4 Cadangan Pemakaian Batik Khas Jabatan**

- 6.4.1 Sejarar dengan arahan Kerajaan mengenai Arahan Pemakaian Batik Malaysia Semasa Waktu Bekerja Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan, Pihak Pekerja memohon pihak pengurusan untuk mempertimbangkan cadangan pemakaian batik khas Jabatan; dan

6.4.2 BKP menyambut baik cadangan ini dan akan menyediakan beberapa cadangan corak batik yang bersesuaian untuk diangkat ke pihak pengurusan selanjutnya

**Tindakan: BKP**

## **6. PENUTUP**

- 6.1** YBhg. Datuk Pengerusi merakamkan penghargaan kepada semua ahli-ahli MBJ yang hadir ke mesyuarat kerana dapat berbincang dalam suasana yang harmoni untuk menyelesaikan isu-isu yang telah dibangkitkan.
- 6.2** Mesyuarat ditangguhkan jam 5.30 petang dengan ucapan terima kasih daripada YBhg. Datuk Pengerusi.

**Disediakan oleh:**

**Urus Setia Mesyuarat MBJ JKPTG  
Bahagian Khidmat Pengurusan  
4 September 2023**

**Disemak oleh:**



.....  
**Abd Rahim bin Abd Razak  
Setiausaha Pihak Pegawai**



.....  
**Nazatul Shima binti Ismail  
Setiausaha Pihak Pekerja**

Lampiran 1

**SENARAI KEHADIRAN**

**PIHAK PEGAWAI**

1. YBhg. Datuk Mohd Haniff bin Hassan  
Timbalan Ketua Pengarah  
Sektor Penyelarasan dan Operasi **- Pengerusi**
2. Puan Tengku Rohana binti Tengku Nawawi  
Pengarah  
Bahagian Pengurusan ICT dan Pentadbiran Tanah
3. Encik Baharuddin bin Aziz  
Pengarah  
Bahagian Pembahagian Pusaka
4. Encik Lee Teck Chiang  
Pengarah  
Bahagian Khidmat Pengurusan
5. Encik Anuar bin Isa  
Pengarah  
JKPTG Kedah
6. Encik Abd Rahim bin Abd Razak  
Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Khidmat Pengurusan **- Setiausaha**

**PIHAK PEKERJA**

1. Puan Yati binti Musa  
Penolong Pengarah  
Bahagian Dasar dan Konsultasi **- Naib Pengerusi**
2. Encik Mohd Asrol Adam bin Mohd Lotpi  
Penolong Pengarah  
JKPTG Kelantan
3. Encik Ahmad Kamal Arif bin Mohamad  
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat  
JKPTG Negeri Sembilan

4. Encik Md Jafri bin Joalis  
Penolong Pegawai Tanah  
JKPTG Johor
5. Puan Dayang Zaleha binti Abang Jawi Mostapha  
Penolong Pegawai Tanah  
JKPTG Sarawak
6. Puan Syazana binti Aziz  
Penolong Pegawai Tadbir  
Unit Integriti
7. Puan Nor Fadhilah binti Dollah  
Ketua Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)  
Bahagian Pembahagian Pusaka
8. Encik Nadzrul Shafizal binti Sirajuddin  
Ketua Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)  
JKPTG Selangor
9. Puan Salmah binti Mohamad  
Pelukis Pelan  
JKPTG WP Kuala Lumpur
10. Puan Nazatul Shima binti Ismail  
Pembantu Tadbir (Kewangan)  
Bahagian Khidmat Pengurusan
11. Encik Khairul Azhar bin Che Zakaria  
Juruteknik Komputer  
JKPTG Pulau Pinang
12. Encik Khairil Muzaffar bin Abdul Majid  
Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)  
UPP Kedah
13. Puan Azelah bin Kamaludin  
Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)  
Bahagian Pengurusan ICT dan Pentadbiran Tanah
14. Puan Rabia'tul binti Mohamad  
Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)  
UPP Melaka
15. Encik Hasan bin Ali  
Penghantar Notis  
UPP Perlis
16. Encik Cik Azman bin Che Azih  
Pemandu  
Bahagian Khidmat Pengurusan

- Setiausaha



17. Encik Suhaiful bin Mat Saad  
Pembantu Operasi  
Bahagian
18. Encik Ahmad Shukree bin Taha  
Penghantar Notis  
UPP Terengganu

**TURUT HADIR**

1. Encik Mohd Azrul bin Hashim  
Pengarah  
JKPTG Selangor
2. Puan Ezatul Suzafarah binti Taib  
Pengarah  
JKPTG Melaka
3. Puan Siti Mariam binti Ahmad Kamal  
Penolong Pengarah  
Bahagian Pengambilan Tanah
4. Puan Nur Hazwani binti Hashim  
Penolong Pengarah  
Bahagian Khidmat Pengurusan
5. Puan Zurita binti Zainudin  
Penolong Pengarah  
Bahagian Khidmat Pengurusan
6. Cik Izyan Aziza binti Ismail @ Aziz  
Penolong Pengarah  
Bahagian Khidmat Pengurusan - **Urus Setia**
7. Puan Khairiahni binti Mokhtar  
Ketua Pembantu Tadbir  
Bahagian Khidmat Pengurusan - **Urus Setia**
8. Puan Khairul Faizah binti Abdul Rahim  
Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)  
Bahagian Khidmat Pengurusan - **Urus Setia**
9. Encik Mohd Sanizam bin Md Saad  
Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)  
Bahagian Khidmat Pengurusan - **Urus Setia**

**TIDAK HADIR DENGAN MAAF**

**PIHAK PEGAWAI**

1. YBhg. Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain  
Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
2. YBrs. Tuan Abdul Aziz bin Mohd Johdi  
Timbalan Ketua Pengarah  
Sektor Kemajuan Pengurusan dan Perundangan
3. Encik Muhammad Rosli bin Muhammad Ja'afar  
Pengarah  
Bahagian Pengambilan Tanah

**PIHAK PEKERJA**

1. Puan Salfaryna binti Mohd Soofi  
Penolong Pengarah  
JKPTG Selangor
2. Puan Site Rohani binti Hussin  
Penolong Pegawai Tanah  
JKPTG Sabah
3. Encik Mohd Firdaus bin Azmi  
Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)  
JKPTG Pahang
4. Encik Mohd Syahrin bin Adnan  
Pembantu Awam  
JKPTG Perak

Lampiran 2

PENGEKELASAN DAN STATUS PENYELESAIAN ISU-ISU YANG DIBANGKITKAN DALAM MINIT MESYUARAT  
MBJ BIL. 2 TAHUN 2023 BAGI JKPTG

PERKARA BERBANGKIT					ISU BARU						
BIL	PERKARA	SELESAI	CATATAN	BELUM SELESAI	CATATAN	BIL	PERKARA	SELESAI	CATATAN	BELUM SELESAI	CATATAN
1.	KEWANGAN DAN KEMUDAHAN	1	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kemudahan Bayaran Balik Bil Telefon Atas Urusan Rasmi Kepada Pegawai Kumpulan Pelaksana</li> </ul>	-	-	1.	KEWANGAN DAN KEMUDAHAN	-	-	-	-
2.	PENTADBIRAN	1	<ul style="list-style-type: none"> <li>Cadangan Pembangunan Bangunan Baharu Pejabat JKPTG Perak</li> </ul>	3	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penggunaan Aplikasi <i>WhatsApp</i> dalam Urusan Permohonan Pembahagian Pustaka</li> <li>Permohonan Peruntukan Bagi Kerja-Kerja Pembaikan di Bilik Bicara JKPTG Negeri Sembilan</li> <li>Permohonan Pemasangan Kamera Litar Tertutup (CCTV) Bagi JKPTG Negeri</li> </ul>	2.	PENTADBIRAN	-	-	3	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pertukaran Sasaran Kerja Tahunan (SKT) di Unit Pembahagian Pustaka (UPP) Disebabkan Masalah Sistem MyeTaPP</li> <li>Larangan Penggunaan Gajet Oleh Orang Awam Bagi Tujuan Rakaman di Premis Pejabat JKPTG</li> <li>Permohonan Kelonggaran Untuk Membeli Tiket Penerbangan Menggunakan Waran Perjalanan Udara Awam (WPUA) bagi JKPTG Sarawak</li> </ul>

PERKARA BERBANGKIT						ISU BARU					
BIL	PERKARA	SELESAI	CATATAN	BELUM SELESAI	CATATAN	BIL	PERKARA	SELESAI	CATATAN	BELUM SELESAI	CATATAN
3.	SUMBER MANUSIA	-	-	-	-	3.	SUMBER MANUSIA	3	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pertambahan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) dan Pembantu Operasi di Pembahagian Pusaka (UPP)</li> <li>Kemudahan Unit Khidmat Pelanggan (UKP) Di Setiap Unit Pembahagian Pusaka (UPP)</li> <li>Pengisian Kekosongan Jawatan di Jabatan</li> </ul>	1	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pemakaian Pendekatan Kaunseling/ Psikologi Dalam Pengurusan Sumber Manusia JKPTG</li> </ul>
4.	KEBAJIKAN	1	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pembekalan Pakaian Keselamatan Kepada Perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah di JKPTG</li> </ul>	1	<ul style="list-style-type: none"> <li>Permohonan Membuat Tuntutan Pembelian Baju Kot Bagi Tugas Rasmi Perbicaraan</li> </ul>	4.	KEBAJIKAN	-	-	1	<ul style="list-style-type: none"> <li>Cadangan Pemakaian Batik Khas Jabatan</li> </ul>
5.	INOVASI DAN PRODUKTIVITI	1	<ul style="list-style-type: none"> <li>Cadangan Pelaksanaan Program Book Review di JKPTG</li> </ul>	-	-	5.	INOVASI DAN PRODUKTIVITI	-	-	-	-
6.	LAIN-LAIN	-	-	-	-	6.	LAIN-LAIN	1	<ul style="list-style-type: none"> <li>Permohonan Kad Hijau CIDB Bagi Pegawai Yang Bertugas Di Lapangan</li> </ul>	-	-
<b>JUMLAH ISU</b>		<b>4</b>		<b>4</b>		<b>JUMLAH ISU</b>		<b>4</b>		<b>5</b>	

